



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGUASAAN PELAJAR PERINGKAT ASAS DALAM
MENDISKRIMINASIKAN PASANGAN MINIMAL BUNYI HURUF ARAB***

NAZRATUL AINI RAMLI

FBMK 2017 51



**PENGUASAAN PELAJAR PERINGKAT ASAS DALAM
MENDISKRIMINASIKAN PASANGAN MINIMAL BUNYI HURUF ARAB**

Oleh

NAZRATUL AINI BINTI RAMLI

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Disember 2016

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta ©Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PENGUASAAN PELAJAR PERINGKAT ASAS DALAM
MENDISKRIMINASIKAN PASANGAN MINIMAL BUNYI HURUF ARAB**

Oleh

NAZRATUL AINI BINTI RAMLI

Disember 2016

Pengerusi : Che Radiah binti Mezah, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kemahiran mendengar merupakan kemahiran bahasa yang paling asas dalam pembelajaran bahasa khususnya bahasa kedua. Kemampuan mendengar yang baik akan membantu pelajar menghasilkan pertuturan yang baik. Kegagalan dalam menguasai kemahiran mendengar telah memberi kesan kepada sebutan bunyi huruf yang tiada dalam bahasa Melayu, kegagalan pelajar menyebut bunyi huruf di awal kata dan akhir kata dengan baik serta kesilapan pelajar dalam menyalin semula perkataan Arab yang didengar. Masalah ini menjadi semakin ketara sekiranya bunyi huruf dalam perkataan Arab tersebut mengandungi pasangan minimal iaitu bunyi huruf yang hampir sama dengan bunyi bahasa ibunda pelajar. Pada masa yang sama, pelajar juga turut terkesan dengan kedudukan huruf di awal kata atau di akhir kata dalam sesuatu perkataan semasa proses mengenal pasti dan menyebut. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan pelajar Melayu di peringkat asas dalam mendiskriminasi pasangan minimal bunyi huruf Arab di awal dan akhir kata, menganalisis hubungan antara kesukaran pasangan bunyi huruf di awal kata dengan di akhir kata serta merumuskan faktor kesukaran pelajar Melayu di peringkat asas dalam mengenal pasti bunyi huruf Arab. Kajian yang menggunakan metodologi campuran kuantitatif dan kualitatif ini melibatkan 33 orang pelajar Melayu di Universiti Putra Malaysia. Mereka merupakan pelajar bahasa Arab kemahiran tahap 1 yang tidak mempunyai asas bahasa Arab sebelum ini. Terdapat dua instrumen yang digunakan dalam kajian ini, iaitu ujian diskriminasi dan temu bual lanjutan. Ujian diskriminasi digunakan untuk mengenal pasti tahap penguasaan pelajar Melayu dalam mendiskriminasi pasangan minimal bunyi huruf Arab di awal kata dan di akhir kata. Ujian ini dibina menggunakan perisian PRAAT yang menyimpan data dari pelajar secara automatik. Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan *Statistical Packages For The Social Sciences* (SPSS). Hasil analisis menunjukkan pasangan bunyi huruf *Thā'-Sīn*, *Ṣād-Sīn* dan *Dhāl-Zāy* adalah pasangan bunyi yang paling sukar didiskriminasi apabila berada di awal kata. Manakala, pasangan bunyi huruf *Hā'-Hā'*, *'Ayn-Hamzah* dan *Ṣād-Sīn* pula didapati paling sukar untuk didiskriminasi sekiranya berada di akhir kata. Keputusan ujian-t berpasangan

menunjukkan bahwa pasangan minimal bunyi *Hā'-Hā'* dapat didiskriminasikan dengan mudah apabila berada di awal kata namun sukar di akhir kata. Akan tetapi, tiga pasangan minimal lain *Dhāl-Zāy*, *Ṣād-Sīn* dan *Thā'-Sīn* didapati sukar didiskriminasikan di awal kata sementara mudah di akhir kata. Hasil temu bual mendapati bahawa faktor yang mempengaruhi pelajar dalam mengenal pasti bunyi huruf Arab adalah pengaruh bahasa pertama ke atas bahasa kedua, pertembungan antara dua dialek dalam satu bahasa, gangguan psikologi, gangguan bunyi huruf yang hampir sama dalam dua bahasa dan faktor ekstra-linguistik.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

DISCRIMINATION OF ARABIC MINIMAL PAIRS AMONG MALAY LEARNERS

By

NAZRATUL AINI BINTI RAMLI

December 2016

Chairman : **Che Radiah binti Mezah, PhD**
Faculty : **Modern Languages and Communication**

Listening skills are the most basic skills in language learning especially for second language learners. The ability to listen effectively is related to better performance in speech production. Failure to master effective listening skills was found to affect pronunciation of consonants that do not exist in Malay. It was also found to affect production of Arabic consonant in word initial and final positions. The Arabic consonant that do not exist in Malay were also found to be problematic to the participants in both speech perception and production. This problem is highlighted when the Arabic consonants presented are contained in minimal pair. The study employs a mixture of quantitative and qualitative data. Thirty-three Malay student from UPM were recruited for the study. They were students of in the Arabic competency level 1 class, who do not have any previous lessons in Arabic prior to admission to the university. There are two instruments used in this study: a discrimination task and a post-task interview. The discrimination task was used to examine the performance of these students in discriminating two Arabic consonants, one of which exists in the Malay phonological inventory in two word contexts: words initial and final positions. The discrimination task was designed using PRAAT which captures the students responses automatically. Data collected was analysed descriptively and inferentially using *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS). The result showed that three Arabic contrasts, *Thā'-Sīn*, *Ṣād-Sīn* and *Dhāl-Zāy* were the hardest minimal pairs to be discriminated when the pair occurred in word initial position. However, in word final position, *Hā'-Hā'*, *'Ayn-Hamzah* and *Ṣād-Sīn* pairs were the hardest to be discriminated. The results of the paired-sample *t*-test showed that the minimal pair *Hā'-Hā'* were easily discriminated at word initial position but were very difficult at word final position. However, the other three minimal pairs *Dhāl-Zāy*, *Ṣād-Sīn* and *Thā'-Sīn* were found to be very difficult at word initial position while they very easily discriminated at the word final position. From the interview, it was found that the factors that influenced the Malay students' discrimination of Arabic consonants are influence of first language on the second language, clash between two dialects in a

language, psychology interference, competition between two similar categories in a language and extra-linguistic factors.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala pujian bagi Allah S.W.T tuhan sekalian alam yang memiliki kemuliaan atas segala nikmat yang tidak terhingga banyaknya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W yang menjadi utusan terakhir yang membawa rahmat ke seluruh alam. Hanya kepada Allah S.W.T kesyukuran dipanjatkan atas segala anugerah dan kekuatan yang diberikan untuk menyiapkan kajian ini.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih buat Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang diketuai oleh Prof Madya Dr. Che Radiah Mezah dan dibantu oleh Prof Madya Dr. Abd Rauf Tan Sri Hassan dan Prof Madya Dr. Yap Ngee Thai yang banyak membantu, memberi tunjuk ajar, bimbingan kepakaran serta sokongan tanpa jemu yang diberikan sepanjang proses pengajian ini. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Universiti Putra Malaysia yang secara tidak langsungnya terlibat atas curahan ilmu serta nasihat yang bermanfaat.

Kepada rakan-rakan seperjuangan Shafiza, Azean, Hashidani, Azhani, Solehah, Fatimah, Qurratu dan Siti Rokiah, terima kasih atas sumbangan idea, maklumat dan kata-kata semangat dalam menayakan kajian ini. Terima kasih juga buat semua yang banyak membantu dari awal penyediaan tesis ini, semoga Allah mempermudah urusan-urusan kalian. Tidak lupa juga, buat sahabat-sahabat dan kenalan di Fakulti. Semoga ukhuwah yang dijalinakan berkekalan hingga akhir hayat.

Sekalung penghargaan tulus ikhlas untuk kedua-dua ibu bapa. Buat abah, Ramli bin Mat Isa dan juga mak, Rosnita binti Harun atas sokongan dan perangsang tidak ternilai. Sekalung penghargaan istimewa buat adik-beradik, Shuhada, Husna, Helmi, Amirul, Syahirah dan Wardatul yang sentiasa memahami dan memberikan sokongan untuk terus menyiapkan kajian ini. Hanya Allah jualah yang membalas kebaikan anda sekalian dengan sebaik-baik pembalasan-Nya.

Akhir sekali, moga usaha dan kajian ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya dan menjadi salah satu sumbangan ilmu dalam menjana perkembangan ilmu-ilmu lain yang wujud kepada masyarakat semua. Insya Allah.

Nazratul Aini Ramli
Kuantan, Pahang
2016

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 15 Disember 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nazratul Aini binti Ramli bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Penguasaan Pelajar Peringkat Asas dalam Mendiskriminasikan Pasangan Minimal Bunyi Huruf Arab” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD
Pensyarah Kanan
Faculty of Modern Languages and Communication
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Azidan bin Abdul Jabar, PhD
Profesor Madya
Faculty of Modern Languages and Communication
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohd. Zaki bin Abd. Rahman, PhD
Pensyarah Kanan
Universiti Malaya
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD
Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 22 Mac 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Che Radiah Binti Mezah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abd Rauf Bin Hassan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Yap Ngee Thai, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nazratul Aini binti Ramli (GS38145).

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakuan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: Che Radiah Mezah, PhD

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Abd Rauf bin Hassan, PhD

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Yap Ngee Thai, PhD

SENARAI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	vii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
PEDOMAN TRANSLITERASI	xvi
BAB	
1 PENGENALAN	1
1.1 Mukadimah	1
1.2 Latar belakang kajian	1
1.3 Penyataan masalah	2
1.4 Kepentingan kajian	4
1.5 Objektif Kajian	4
1.6 Persoalan Kajian	4
1.7 Hipotesis Kajian	5
1.8 Batasan Kajian	5
1.9 Definisi Operasional	5
1.9.1 Diskriminasi	5
1.9.2 Pasangan minimal	6
1.10 Kesimpulan	6
2 TINJAUAN SOROTAN LITERATUR	7
2.1 Pengenalan	7
2.2 Konsep bunyi huruf Arab	7
2.2.1 Makhraj huruf Arab	7
2.2.1.1 Rongga tekak (الجوف)	8
2.2.1.2 Kerongkong (الحنك)	8
2.2.1.3 Lidah (اللسان)	8
2.2.1.4 Bibir mulut (الشفاتان)	9
2.2.1.5 Hidung (الخيشوم)	9
2.2.2 Sifat-sifat huruf Arab	10
2.3 Pasangan minimal (الثنائيات الصغرى)	16
2.3.1 Pasangan minimal dalam bahasa Arab	16
2.3.1.1 Pasangan Huruf <i>Thā'-Sīn</i>	16
2.3.1.2 Pasangan Huruf <i>Hā'-Hā'</i>	17
2.3.1.3 Pasangan Huruf <i>Dhāl-Zāy</i>	18
2.3.1.4 Pasangan Huruf <i>Ṣād-Sīn</i>	18
2.3.1.5 Pasangan Huruf <i>Ḍād-Dāl</i>	19
2.3.1.6 Pasangan Huruf <i>Ṭā'-Tā'</i>	20
2.3.1.7 Pasangan Huruf <i>Zā'-Zāy</i>	20

	2.3.1.8	Pasangan Huruf 'Ayn-Hamzah	21
	2.3.1.9	Pasangan Huruf <i>Qāf-Kāf</i>	22
2.4		Konsep Kemahiran Mendengar	23
	2.4.1	Peringkat Kemahiran Mendengar	24
	2.4.2	Kemahiran Mendiskriminasikan Bunyi	24
	2.4.3	Hubungan Kemahiran Bertutur dengan Mendengar	25
	2.4.4	Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Mendengar dalam kelas	25
2.5		Permasalahan Berkaitan Pembelajaran Mendengar Bunyi Huruf Arab	26
	2.5.1	Pelajar Tidak Dapat Mengenal Pasti Bunyi	26
	2.5.2	Huruf (Konsonan) Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu	27
2.6		Implikasi Kemahiran Mendengar dalam Kemahiran Berbahasa Arab	28
2.7		Model Persepsi Pertuturan dalam Pembelajaran Bahasa Kedua	29
	2.7.1	<i>Perceptual Assimilation Model</i> (1995)	29
	2.7.2	<i>Signal Detection Theory</i>	31
2.8		Kajian Berkaitan Kemahiran Mendengar dan Bertutur dalam Bahasa Arab	32
	2.8.1	Kajian Kesilapan Mendengar dan Menyebut Huruf Arab	32
	2.8.2	Kajian Berkaitan Pasangan Minimal Bunyi Huruf Arab	34
2.9		Kesimpulan	35
3		METODOLOGI	36
	3.1	Pengenalan	36
	3.2	Reka Bentuk Kajian	36
	3.2.1	Kaedah Kajian	36
	3.2.2	Populasi dan Sampel Kajian	36
	3.2.2.1	Saiz Sampel	37
	3.2.2.2	Latar Belakang Sampel	37
	3.3	Penggunaan <i>Perceptual Assimilation Model</i> (PAM). Best (1995)	38
	3.4	Instrumen Kajian	38
	3.4.1	Soalan Eksperimen Penilaian Persepsi Pertuturan	39
	3.4.1.1	Proses Pembinaan Item Soalan Eksperimen	39
	3.4.1.2	Pembinaan Eksperimen	43
	3.4.2	Temu bual	44
	3.5	Kesahan Item Rakaman	45
	3.5.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	45
	3.6	Kesahan Kajian Rintis	46
	3.7	Prosedur Pengumpulan Data	46
	3.7.1	Prosedur Sebelum Kajian	46
	3.7.2	Prosedur Semasa Kajian	47
	3.7.2.1	Prosedur Semasa Ujian Persepsi Pertuturan	47

	3.7.2.2	Prosedur Temu bual Lanjutan	47
	3.7.3	Prosedur Selepas Kajian	48
	3.7.3.1	Ujian Normaliti	49
3.8		Kesimpulan	50
4		DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	51
4.1		Pengenalan	51
4.2		Analisis Penguasaan Mendiskriminasikan Pasangan Minimal Huruf Arab di Awal Kata dan di Akhir Kata	51
	4.2.1	Analisis Penguasaan Mendiskriminasikan Pasangan Minimal Bunyi Huruf Arab di Awal Kata	51
	4.2.2	Analisis Penguasaan Mendiskriminasikan Pasangan Minimal Bunyi Huruf Arab di Akhir Kata	55
4.3		Analisis Hubungan Kedudukan Pasangan Minimal Bunyi Huruf Arab di Awal Kata dan Akhir Kata	58
	4.3.1	Pasangan Minimal yang Mudah Didiskriminasikan Di Awal Kata dan Sukar di Akhir Kata	62
	4.3.2	Pasangan Minimal yang Sukar Didiskriminasikan Di Awal Kata dan Mudah di Akhir Kata	62
4.4		Analisis Faktor Kesukaran Pelajar Melayu Mengenal Pasti Huruf Arab	63
4.5		Kesimpulan	69
5		RUMUSAN DAN CADANGAN	70
5.1		Pengenalan	70
5.2		Rumusan Kajian	70
5.3		Saranan bagi Mengatasi Kelemahan Pelajar dalam Mendiskriminasikan Huruf Arab	71
	5.3.1	Saranan kepada Pelajar	71
	5.3.2	Saranan kepada Guru	71
	5.3.3	Saranan kepada Pihak Universiti	72
5.4		Cadangan Kajian Lanjutan	72
5.5		Penutup	73
		BIBLIOGRAFI	74
		BIODATA PELAJAR	78

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
2.1	Alat Artikulasi Bahasa Arab	9
2.2	Makhraj huruf Thā' /ث/ dan Sīn /س/	17
2.3	Makhraj huruf Hā' /ح/ dan Hā' /ه/	17
2.4	Makhraj huruf Dhāl /ذ/ dan Zāy /ز/	18
2.5	Makhraj huruf Šād /ص/ dan Sīn /س/	19
2.6	Makhraj huruf Dād /ض/ dan Dāl /د/	19
2.7	Makhraj huruf Tā' /ط/ dan Tā' /ت/	20
2.8	Makhraj huruf Zā' /ظ/ dan Zāy /ز/	21
2.9	Makhraj huruf 'Ayn /ع/ dan hamzah /ء/	21
2.10	Makhraj huruf Qāf /ق/ dan Kāf /ك/	22
2.11	Kerangka Teori	30
3.1	Ujian Persepsi	44
3.2	Ujian Normaliti	50
4.1	Pasangan Huruf Yang Tidak Menunjukkan Perbezaan Ketara	61
4.2	Perbandingan Peratusan Pasangan Huruf Hā'-Hā'	62
4.3	Perbandingan Peratusan Pasangan Huruf Dhāl-Zāy	63
4.4	Senarai Jawapan Subjek	64
4.5	Faktor Gangguan Bunyi Bahasa Kedua	65

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
2.1	Jadual Sifat Huruf Arab Berdasarkan Makhraj Mengikut Pandangan Ibn Al-Jazarīy.	14
2.2	Contoh skema analisis menggunakan <i>Signal Detection Theory</i> bagi huruf di awal kata	31
2.3	Contoh skema analisis menggunakan <i>Signal Detection Theory</i> bagi huruf di akhir kata	32
3.1	Demografi Sampel Kajian	37
3.2	Kategori Yang Dipilih	38
3.3	Instrumen Kajian dan Kaedah Analisis Data Bagi Setiap Objektif	38
3.4	Pasangan Minimal Bagi Setiap Huruf Sukar	40
3.5	Item Yang Digunakan Dalam Kajian	41
3.6	Urutan Skrip Yang Disusun	43
3.7	Jadual Pengumpulan Data Bagi Ujian Persepsi Pertuturan	47
3.8	Jadual Pengumpulan Data Bagi Temu Bual Lanjutan	48
3.9	Taburan Data Berdasarkan Skewness Dan Kurtosis	49
4.1	Pasangan Minimal Huruf Arab Yang Sukar Didiskriminasi di Awal Kata	51
4.2	Pengkelasan Tahap Pencapaian Subjek Kajian dalam Mendiskriminasi Pasangan Minimal Huruf Arab di Awal Kata	52
4.3	Pasangan Minimal Huruf Arab Yang Sukar Didiskriminasi Di Akhir Kata	55
4.4	Pengkelasan Tahap Pencapaian Subjek Kajian dalam Mendiskriminasi Pasangan Minimal Huruf Arab di Akhir Kata	56
4.5	Ujian T Berpasangan bagi Keseluruhan Ujian Diskriminasi Mengikut Pasangan Huruf	59

SENARAI SINGKATAN

PAM	Perceptual Assimilation Model
TC	Two Category Assimilation
CG	Category-Goodness Difference
SC	Single Category Assimilation
UC	Uncategorized Versus Categorized
UU	Both Uncategorizable
NA	Nonassimilable
SDT	Signal Detection Theory
IPA	International Phonetic Association
SPSS	Statistical Package for Social Sciences
UPM	Universiti Putra Malaysia
IPT	Institut Pengajian Tinggi
BA	Bahasa Arab
S.A.W	Ṣallāllāh `Alayh Wasallam

**PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE RUMI
(DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, 1992)**

A. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Transkripsi Fonetik	Huruf Arab	Huruf Rumi	Transkripsi Fonetik
ب	b	b	ظ	z	ð ^ʕ
ت	t	t	ع	ʿ	ʔ
ث	th	θ	غ	gh	ɣ
ج	j	dz	ف	f	f
ح	ḥ	ħ	ق	q	q
خ	kh	x	ك	k	k
د	d	d	ل	l	l
ذ	dh	ð	م	m	m
ر	r	r	ن	n	n
ز	z	z	و	w	w
س	s	s	ه	h	h
ش	sh	ʃ	ء	ʾ	ʔ
ص	ṣ	s ^ʕ	ي	y	
ض	ḍ	d ^ʕ	ة	ṭ	
ط	ṭ	t ^ʕ			

B. Vokal

Pendek		Panjang		Diftong	
(اَ)	a	آ	ā	أَيَّ	ay
(اِ)	i	إِي	ī	أَوْ	aw
(اُ)	u	أُو	ū		

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Mukadimah

Pengajaran bahasa Arab di Malaysia telah meletakkan matlamat membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran penting dalam pembelajaran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Kamaruddin, 1999; Zawawi et. al, 2011).

Kemahiran mendengar dan bertutur amat berkait rapat dalam mewujudkan komunikasi yang berkesan. Mendengar merupakan kemahiran asas kepada semua jenis kemahiran berbahasa. Kemahiran bertutur akan gagal sekiranya penguasaan pelajar dalam mendengar adalah lemah.

Hal ini dijelaskan oleh Ashinida, (2012) bahawa kelemahan pelajar disebabkan oleh kegagalan untuk bertutur atau tidak mahu bertutur dalam bahasa Arab. Seterusnya kelemahan dalam pertuturan bahasa Arab ini berterusan hingga ke peringkat IPT walaupun pelajar telah mempelajari banyak perkara asas yang sepatutnya dapat membantu pelajar bertutur (Nor Shaifura, 2010; Ab. Halim, 2009).

Kegagalan menguasai kemahiran bertutur dengan baik akan memberikan gangguan komunikasi kepada penyampai dan penerima mesej (Nadwah & Nadhilah, 2014). Hal ini bertepatan dengan kenyataan Ibn Khaldun bahawa medium pemerolehan pertuturan yang baik adalah menerusi pendengaran “وَالسَّمْعُ أَبُو الْمَلَكَاتِ اللِّسَانِيَّةِ” (Ibn Khaldun, 2004: 368).

Justeru, jelas di sini bahawa kemahiran bertutur ini amat berkait rapat dengan kemahiran mendengar. Kemahiran mendengar perlu diberi perhatian dan tidak boleh dipandang mudah bagi memastikan pelajar dapat menguasai kemahiran bertutur dengan baik.

1.2 Latar Belakang Kajian

Best (2007) ada menyatakan bahawa tidak semestinya seseorang yang dapat mendengar dengan baik, dapat menyebut dengan baik. Hal ini kerana terdapat perbezaan antara kemahiran mendengar dan bertutur walaupun kedua-duanya sangat berkait rapat.

Kemahiran mendengar adalah kemahiran berkomunikasi yang paling asas dan ia berlaku di peringkat penerimaan (*receptive level*). Seseorang murid yang telah dapat menguasai kemahiran mendengar harus dapat mendengar dengan baik apa sahaja yang dituturkan oleh orang lain dan dapat pula memahami maksud, serta boleh mentafsir apa yang didengar. Kemahiran mendengar ini dimulakan pada peringkat awal pengajaran bahasa dan bertujuan untuk memungkinkan pelajar fasih bertutur dalam bahasa yang dipelajari itu. (Kamaruddin, 1999: 17).

Hal ini bertepatan dengan objektif Kementerian Pendidikan Malaysia yang menasarkankan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di peringkat menengah adalah untuk membolehkan murid mendengar, memahami dan membicarakan tentang siaran-siaran dalam bahasa Arab dan bertutur dengan fasih serta lancar dalam situasi tertentu. (Dokumen Standard Prestasi Bahasa Arab, 2012).

Namun begitu, kemahiran mendengar tidak begitu diberi penekanan hingga menyebabkan pelajar tidak menyedari kepentingan kemahiran mendengar kepada mereka. Implikasinya, pelajar tidak begitu berkeyakinan untuk berinteraksi dalam bahasa Arab sesama mereka, mahupun dengan guru mereka. Sesuatu komunikasi lisan melibatkan dua proses, iaitu proses penghasilan dan penerimaan mesej. Menguasai kemahiran mendengar dengan baik biasanya harus dapat mendengar dengan baik apa sahaja yang dituturkan oleh orang lain dan dapat pula memahami maksud serta membuat tafsiran daripada apa yang didengar (Ibtisam & Zamri, 2012).

1.3 Penyataan Masalah

Kemahiran mendengar yang baik membolehkan pelajar memahami sesuatu yang didengar dengan betul dan jelas. Kemampuan mendengar yang baik pula akan membantu mereka menghasilkan pertuturan yang baik. Proses pengajaran untuk mendapatkan kemahiran mendengar ini lazimnya berlaku melalui suara guru di dalam kelas (Ibtisam & Zamri, 2012). Ini termasuklah kemahiran mendengar sebutan sesuatu perkataan serta kemahiran membezakan bunyi huruf Arab yang hampir sama dalam perkataan tersebut. Namun begitu, kegagalan menguasai kemahiran mendengar bunyi bahasa (perkataan dan huruf) dengan baik akan memberi kesan dan mempengaruhi kemampuan pelajar menguasai kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran membaca, bertutur dan menulis.

Antara kesan kegagalan menguasai kemahiran mendengar dalam bahasa Arab seperti kesilapan menyebut huruf yang tiada dalam bahasa Melayu (Mohd Azidan, 2004), kegagalan pelajar menyebut huruf di awal kata dan akhir kata dengan baik (Majdan, 2013) dan kesilapan pelajar dalam menyalin semula atau menulis perkataan Arab yang didengar (Naimah, 1995). Masalah ini menjadi semakin ketara sekiranya bunyi huruf dalam perkataan Arab tersebut mengandungi huruf yang hampir sama dengan bunyi bahasa ibunda pelajar, iaitu bahasa Melayu. Ini dibuktikan melalui kajian Mohd Azidan (2004), yang menyatakan bahawa pelajar lemah dalam menyebut huruf *Hā'*,

Hā' dan *Dād*. Begitu juga kajian Nik Mahfuzah (2013) yang mendapati pelajar sukar mendengar dan membezakan huruf Arab yang hampir sama.

Ini menunjukkan bahawa penutur Melayu sukar dalam mengenal pasti bunyi dan menyebut huruf yang hampir sama ataupun dikenali sebagai pasangan minimal. Ini kerana dalam memperbaiki gaya pertuturan, penerimaan oleh pendengar perlu dipastikan kesahihannya (Nik Mohd Rahimi et.al, 2010). Hal ini menjadi semakin rumit dan sukar sekiranya pengajar gagal membezakan sebutan pasangan minimal bunyi huruf Arab dengan betul. Hal ini akan menyukarkan pelajar untuk mengenal pasti bunyi pasangan minimal huruf Arab dan seterusnya boleh mengganggu kefahaman pelajar terhadap apa yang dipelajari. Sebagai contoh, pasangan minimal bagi bunyi /ص, /س, /ش/ dalam perkataan *يَحْرُسُ*, *يَحْرُسُ* dan *يَحْرُسُ* membawa makna yang berbeza namun mempunyai sebutan yang hampir sama.

Sehubungan itu juga, didapati kedudukan pasangan minimal huruf dalam perkataan juga mempengaruhi prestasi pertuturan pelajar. Ini kerana terdapat pelajar BA gagal menyebut bunyi huruf Arab yang hampir sama dengan bahasa ibunda pelajar sekiranya kedudukan huruf tersebut berada di akhir kata sesuatu perkataan. Masalah ini ditemui sebagai dapatan sampingan menerusi kajian Majdan (2013) dalam sebutan huruf di akhir kata, bunyi huruf *Hā'* semakin tidak kedengaran dan bunyi huruf *`Ayn* kedengaran seperti huruf *Hamzah*. Hal ini berkemungkinan berpunca daripada kesilapan mendengar atau mendiskriminasikan huruf pasangan minimal. Ini kerana kemahiran mendengar yang tidak ditekankan dengan baik akan memberi kesan ke atas pertuturan pelajar. Walau bagaimanapun, dapatan sampingan yang direkodkan tidak dikaji dengan lebih terperinci.

Secara umumnya, kajian berkaitan pasangan minimal biasanya dilakukan secara kualitatif sahaja dan lebih fokus kepada kemahiran bertutur. Bagi menghasilkan satu dapatan kemahiran mendengar bunyi pasangan minimal, perlu dijalankan satu kajian kemahiran mendengar pasangan minimal secara terperinci kepada kedudukan bunyi huruf di awal kata dan di akhir kata.

Seterusnya, kajian yang dilakukan akan berlandaskan model *Perceptual Assimilation Model* (PAM) bagi mendiskriminasikan bunyi pasangan minimal huruf Arab dengan lebih teliti dan meyakinkan. Pengaplikasian model tersebut dalam menguji penguasaan mendengar sebutan huruf Arab dalam kalangan pelajar Melayu belum lagi dilakukan, berbeza dengan pengkaji-pengkaji luar Mahmoud (2012), Ousmane (2015) dan Seung-ah & Priyankoo (2010) yang menjalankan ujian mendengar bunyi pasangan minimal huruf Arab ini kepada pelajar Amerika dan Korea.

Justeru, satu kajian bagi melihat penguasaan pelajar mendiskriminasikan bunyi pasangan minimal huruf Arab yang sukar perlu dilakukan ke atas pelajar Melayu dengan melihat kepada kedudukan huruf sukar tersebut dalam sesuatu perkataan.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana dapatannya akan menjelaskan tahap penguasaan pelajar Melayu membezakan bunyi huruf Arab yang hampir sama dengan bunyi dalam bahasa Melayu.

Melalui kajian ini pelajar akan dapat mengenal pasti dan membezakan bunyi huruf Arab dengan baik. Muhammad `Ali Şiniy (1985) turut menekankan keperluan guru menerangkan beza antara bunyi huruf yang hampir sama supaya pelajar tidak keliru dalam pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini bertujuan menganalisis bunyi huruf Arab yang sukar untuk dikenal pasti oleh pelajar. Kajian ini dapat memberi kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan mempelajari dan menuturkan huruf Arab mengikut makhraj yang betul.

Skor penguasaan pelajar dalam ujian mendengar ini akan membuatkan pengajar bahasa lebih peka terhadap pengajaran dan pembelajaran cara sebutan huruf yang betul. Kajian ini diharap dapat memberi impak kepada penggubal kurikulum supaya mengemas kini kurikulum sedia ada bagi meningkatkan pencapaian pelajar dalam kemahiran mendengar bunyi huruf Arab.

1.5 Objektif Kajian

Masalah kajian yang telah dikenal pasti akan cuba diselesaikan berdasarkan objektif berikut:

1. Mengenal pasti penguasaan pelajar Melayu di peringkat asas dalam mendiskriminasikan pasangan minimal bunyi huruf Arab di awal dan akhir kata.
2. Menganalisis hubungan antara kesukaran pasangan huruf di awal kata dengan di akhir kata.
3. Merumuskan faktor kesukaran pelajar Melayu di peringkat asas dalam mengenal pasti bunyi huruf Arab.

1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab soalan berikut:

1. Apakah tahap penguasaan pelajar Melayu di peringkat asas dalam mendiskriminasikan pasangan minimal bunyi huruf Arab di awal dan di akhir kata?
2. Sejauh manakah hubungan antara kesukaran pasangan huruf di awal kata dengan di akhir kata?
3. Apakah faktor pelajar Melayu di peringkat asas sukar mengenal pasti bunyi huruf Arab?

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini dibina bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga:

HA: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam persepsi pelajar Melayu mendengar pasangan minimal huruf Arab yang berada di awal kata dan di akhir kata.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada perkara berikut:

Kajian ini dijalankan di Universiti Putra Malaysia. Seramai 33 orang pelajar kelas bahasa Arab kemahiran BBA2401 tahap 1 dipilih daripada jumlah kesemua pelajar untuk menjawab ujian penilaian persepsi pertuturan. Manakala lima orang dipilih untuk ditemu bual. Pemilihan pelajar kemahiran tahap 1 sebagai responden kajian adalah berlandaskan teori Perceptual Assimilation Model (PAM) oleh Best (1995). Teori ini sesuai diaplikasikan kepada penutur peringkat asas yang masih baru dalam mempelajari bahasa asing. Selain itu, kajian ini bertujuan memfokuskan skop yang paling asas dalam pembelajaran bahasa iaitu kemahiran mendengar bunyi huruf. Silibus bahasa Arab yang dipelajari merangkumi huruf-huruf Arab, alif lam, kata ganti diri, kata tunjuk, nombor dan masa. Justeru, pelajar kursus kemahiran bahasa Arab BBA2401 tahap 1 adalah sangat sesuai sebagai responden kajian ini. Pengkaji membataskan kajian ini kepada 9 huruf sahaja. Rasional pemilihan huruf ini akan diterangkan dalam bab tiga kajian. Eksperimen diskriminasi penilaian persepsi pertuturan dan temu bual merupakan instrumen kajian ini. Instrumen tambahan yang akan digunakan ialah rakaman suara dua penutur jati Arab.

1.9 Definisi Operasional

Dalam subtopik ini, beberapa istilah yang menjadi fokus utama kajian dipilih untuk diuraikan bagi memastikannya selari dengan objektif kajian ini. Definisi operasional yang dipilih tersebut merangkumi istilah yang berikut:

1.9.1 Diskriminasi

Diskriminasi bermaksud membezakan sesuatu perkara dengan perkara yang lain. Diskriminasi dalam kajian ini memberi makna ujian diskriminasi yang dijalankan kepada pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab. Ujian ini akan melihat penguasaan pelajar mendiskriminasikan (membezakan) dua perkataan yang mengandungi pasangan minimal huruf Arab yang hampir sama melalui kemahiran mendengar.

1.9.2 Pasangan Minimal

Pasangan minimal adalah dua perkataan dalam satu bahasa yang hampir sama dari segi bunyi sebutan namun mempunyai maksud berbeza. Kedua-dua perkataan ini disebut pasangan minimal apabila terdapat satu perbezaan sahaja yang wujud di antara kedua-dua perkataan. Sekiranya satu huruf diubah, maka ia akan memberi maksud yang lain. Dalam bahasa Arab, pasangan minimal disebut sebagai (ثَنَائِيَّةٌ صُغْرَى) (Nurairhan et. al, 2003).

1.10 Kesimpulan

Kajian berkaitan kemahiran mendengar pasangan minimal ini amat penting dalam pembelajaran bahasa Arab. Hal ini kerana kemahiran mendengar merupakan kunci bagi kemahiran bertutur yang betul. Penekanan dan tumpuan sewajarnya melibatkan kemahiran mendengar pasangan minimal bunyi huruf Arab ini kurang diberi perhatian. Hal ini telah menjadi titik tolak kepada kajian ini.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Halim Mohamad. (2009). Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 1(1), 1-14.
- ‘Abd al-Bāri, Māhir Sha`bān. (2011). *Mahārāt al-Istimā` al-Nāshīṭ*. ‘Amman : Dār al-Masirah.
- ‘Abd al-Fattāḥ Maḥjūb Muḥammad. (1992). *Ta‘līm Aṣwāt al-Qurān al-Karīm Watilāwatih li ghayr al-Nāṭiqīn bi al-‘Arabiyyaṭ*. Jami‘at Umm al-Qurā.
- Abdul Basir Awang & Mohd Ramli Idris Mansor. (2005). Keberkesanan Kursus Bahasa Arab Peringkat Diploma Dalam Proses Pembelajaran Dari Segi Pertuturan: Kajian Kes Di Uitm Zon Utara (Kampus Sungai Petani Dan Kampus Arau). *Research Reports, Institute of Research, Development and Commercialization*. Universiti Teknologi MARA.
- ‘Ādil al-Syaykh ‘Abdullāh. (2004). *Muqaddimat fi al-‘Ilm al-Aṣwāt*. Gombak, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Aḥmad Mukhtār ‘Umar et al. (1988). *Al-Mu`jam al-‘Arabiyy al-Asāsiyy*. Tunisia: al-Munazzamat al-‘Arabiyyāt Li al-Tarbiyaṭ Wa al-Thaqāfaṭ Wa al-‘Ulūm.
- Al Mahmoud, M. S. (2012). Discrimination of Arabic contrasts by American learners. *Studies in Second Language Learning and Teaching*, 3(2), 261–292.
- Al-Fā`ūrīy, ‘awnīy & Khālīd Abū ‘amsyat. (2005). Ta‘līm al-Arabiyyaṭ li al-Nāṭiqīn bighayriḥ: Musykilāt Wa ḥulūl, al-Jāmi‘at al-Urduniyyaṭ Namūdḥajān. *Dirāsāt al-‘Ulūm al-Insāniyyaṭ Wa al-Ijtimā`iyyaṭ* 32 (3) 487.
- Al-Hāshimīy, ‘Abd al-Rahman ‘Abd Ali. (2005). *Tadrīs maharat al-istima' min manzur waqi'i*. Amman: Dar al-Manāḥij.
- Al-Khūli, Muḥammad ‘Alī. (1998). *Ta‘līm al-lughat halat wa ta‘liqat*. ‘Amman: Dar al-Fallah li al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- Al-Qutat, Muḥammad ‘Iṣām Muflih. (1995). *Fī Ahkam Al-Tajwid Kitāb al-Mubīn. Al-Ma`āhid*, Mesir.
- An-Nimāranah, Ibrāhīm Mustafā al-‘Abdullah. (2007). *Aswāt al-Lughat al-‘Arabiyyaṭ al-Funūtik Wa al-funulujīy*. Dar- Al-Andalus li al-Nasyir Wa al-Tawzi‘.
- Aron A., Coups E.J. & Aron. E.N. (2011). (5th ed). *Statistics For the behavioral and Social Sciences*. Boston: Pearson.
- Ashinida Aladdin. (2012). Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 12(2), 645-666.
- Ayman Rushdī Suwayd & ‘Ādil Ibrāhīm Abū Shi`r. (2006). *Makhārij al-Ḥurūf al-‘Arabiyyaṭ*. Dār al-Ghawthānī li al-Dirāsāt al-Qur`āniyyaṭ.
- Azani Ismail, Azman Che Mat & Mat Taib Pa. (2012). Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan Dalam Pengajaran Bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(1). 325-337.
- Bailey, K. M. (2005). *Speaking*. New York: McGraw-Hill.
- Best, C. T. & Tyler, M. D. (2007). Nonnative and second-language speech perception: Commonalities and complementarities. *Language experience in second language speech learning: In honor of James Emil Flege*. 1334. 1-47.
- Best, C. T. (1995). A Direct Realist View of Cross-Language Speech Perception. In W. Strange (Ed.) *Speech perception and linguistic experience: Issues in cross-language research* (pp. 171-204). Timonium, MD: York Press.

- Che Radiah Mezah & Nurhayuza Mohammad. (2011). *Pengajaran dan Pembelajaran Kosakata Arab: Teori & Aplikasi*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Chew Fong Peng & Abdul Jalil Othman. (2008). *Pengabaian Kemahiran Mendengar dan Bertutur dalam Bilik Darjah di Sekolah Menengah: Punca, Masalah dan Kesannya di Malaysia*. *Sosiohumanika* 1(1). 167–192.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Buku 1. Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur. Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Dulay Heidi, Marina Burt & Stephen Krashen. (1982). *Language Two*. New York: Oxford University Press.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd. Rahimi, Parilah M. Shah, & Wan Haslina Wah (2013). Cognitive and metacognitive learning strategies among Arabic language students. *Interactive Learning Environments*. 21(3). 290-300.
- Hasan Muḥammad Maḥjūb. (2008). *Muṣṭalah al-Thunā'iyāt al-Ṣuḡhrā (Minimal Pairs) 'am al-Jinās fi majal Ta'lim al-Aṣwāt li Ghayr al-Arab- Dirāsāt Nāqidaṭ*. Makkaṭ al-Mukarramat: Jāmi'at Um al-Qurā.
- Hasmadi Hamdan (2011) *Penguasaan sebutan huruf Arab dalam kalangan kanak-kanak Melayu: analisis fonetik menurut perspektif al-Ja:Ḥ'iz*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Ibn Jinnī, Abū al-Faṭḥ. (1993). *Sirr Ṣinā'at al-I'rāb*. Ḥasan Hindāwiyy (ed). Damsyik: Dār al-Qalam.
- Ibn Khaldūn, `Abd al-Raḥman. (2004). *Muqaddimaṭ Ibn Khaldūn*. `Abdullah Muḥammad al-Darwīsy (ed). Jilid ketiga. Dimasyq: Dar al-syarq al-Arabiyy.
- Ibrāhīm Anīs. 1979. *al-Aṣwāt al-Lughawīyyāt*. Kaherah: Maktabat al-Anglū al-miṣriyyāt.
- Ibtisam Abdullah & Zamri Ahmad. (2012). Pengajaran kemahiran mendengar bahasa Arab sebagai bahasa kedua. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*. 75–81.
- Indirawati Zahid & Mardian Shah Omar. (2006). *Fonetik dan Fonologi: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Janet F. Werker & John S. Logan. (1985). Cross-Language Evidence for Three Factors in Speech Perception. *Perception & Psychophysics*. 37(1). 35-44. Retrieved from <http://link.springer.com/article/10.3758/BF03207136>
- Kamāl Bishr. (2000). *ʿIlm Al-Aṣwāt*. Qaherah: Dar Gharīb li al-Ṭibā'at Wa al-Nasyr Wa al-Tawzi'.
- Kamaruddin Hj. Husin. (1999). *Pengajaran Lisan Kemahiran Mendengar dan Bertutur*. Kuala Lumpur, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarulzaman Abd. Ghani & Nik Mohd Rahimi. (2000). Pengaruh bahasa Melayu ke atas sebutan bahasa Arab dan kemahiran tilawah al-Quran. *Jurnal Sari 18* (2000) 67-68.
- M.C. Kailasapathy. (1984). *Kaedah Pengajaran Bahasa*. Asmah Haji Omar (ed). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Macmillan, N. A., & Creelman, C. D. (2005). *Detection theory: A user's guide* (2nd ed.). Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Majdan Paharal Radzi. (2013). *Kemahiran Sebutan Huruf dan Penyampaian dalam Debat Bahasa Arab Pelajar Universiti*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.

- Mohamad Nasir Mohamad Hasbullah. (2001). *Analisis Kesilapan Sebutan Bahasa Al-Quran di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Mohamed Zahid. (1996). Examination of a Perceptual Non-Native Speech Contrast: Pharyngealized / Non-Pharyngealized Discrimination by French-Speaking Adults. *Proceedings of ICSLP*, Philadelphia, 2466-2469.
- Mohd Azidan Abdul Jabar. (2004). Gangguan Bunyi Melayu dalam Sebutan Arab: Satu Analisis Ringkas. *Pertanika Jurnal of Social Sciences & Humanities*. 12 (2) 101-110.
- Mohd Majid Konting (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah. (2010). *Ciri-ciri Bahasa Arab: Fonetik, Morfologi & Sintaksis*. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Zaki Abd. Rahman. (2001). *Huruf Dalam Bahasa Arab: Nilai Dan Kegunaannya*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Mohd Zulkifli bin Mohd Saman. (2015). *Perbezaan bentuk Tulisan Arab dan Jawi bagi Kata Pinjaman dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad al-Sādiq Qamhāwī. (1996). *Al-Burhān fī Tajwīd al-Qur'ān: Wa-yalīh Risāla fī Faḍā'il al-Qur'ān*. Al-Maktabah al-Azharīyah lil-Turāth.
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Permasalahan pertuturan dalam bahasa Arab sebagai bahasa kedua. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 14 (1). pp. 117-133.
- Naimah Abdullah. (1995). *Masalah ejaan Arab di kalangan pelajar Melayu*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Nik Mahfuzah Nik Mat. (2013). *Penguasaan Kemahiran Mendengar Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Menengah Agama*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Nik Mohd Rahimi, Harun Baharudin & Zamri Mahamod. (2010). Tahap Sebutan Huruf Konsonan Arab dalam Kalangan Murid Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 41–46.
- Nik Mohd Rahimi, Harun Baharudin, Ghazali Yusri, Kamarul Shukri Mat Teh, & Mohamed Amin Embi. (2010). Pembelajaran Konsonan Arab Mengikut Pelat Bahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10(3), 1–14.
- Nor Shaifura Musilehat. (2010). *The Effects of Arabic Teaching Methodology at SMAASZA on the Acquisition of Speaking Skill*. Unpublished Masters thesis. International Islamic University Malaysia.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Sdn. Bhd.
- Nurairhan Mat Daud, Hanafi Dollah & Badri Najib Zubir. (2003). *Linguistics Dictionary English-Arabic Arabic-English*. Kuala Lumpur: Pencetakan Zafar Sdn. Bhd.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ousmane Sawadogo. (2015). *Perception of /q/ in The Arabic /q/-/k/ Contrast by Native Speakers of American English: A Discrimination Task*. Master's Thesis submitted to Graduate School of Southern Illinois University Carbondale.
- Pabiyah Hajimaming & Che Radiah Mezah. (2010). Penekanan Aspek Semantik Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu Semasa Pengajaran Bahasa Arab.

- Pengajaran Bahasa Arab Himpunan Pedoman Buat Guru dan Bakal Guru Siri 1*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Pallant, Julie. (2011). *SPSS Survival Manual: A Step By Step Guide To Data Analysis Using SPSS*, (4th Edition). UK: Open University Press.
- Paul Boersma & David Weenink. (2001). *Praat Doing Phonetics by Computer version 5.4.08*. dari <http://www.fon.hum.uva.nl/praat/>
- Raminah Haji Sabran. (1988). *Kemahiran Bahasa Untuk Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Renata, T. (1990). *Qualitative Research: Analysis Types & Software Tools*. London : The Falmer Press.
- Sabariah Binti Othman. (2011). *Masalah Penyebutan Huruf Al-Qur'an Di Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian Kes*. Tesis sarjana. Universiti Malaya.
- Seung-ah Hong & Priyankoo Sarmah. (2010). Native Korean Speakers' Perception on Arabic Pharyngeal Contrast. *Current Issues in Linguistic Interfaces*, Vol. 2.
- Sībawayh, Abū Bisyr. 1977. *Al-Kitāb*. `Abd al-Salām Muḥammad Harūn (ed). Kaherah: al-Hay'at al-Miṣriyyā al-`Āmmaṭ Li al-kitāb.
- Siti Fatimah Ahmad, Normizan Abang & Zamri Rajab. (2007). Tahap Penguasaan Huruf Tunggal Jawi Dalam Kalangan Murid Tahun Satu Kelas Pemulihan Jawi Program j-QAF di sebuah sekolah di Sarikei, Sarawak. *Jurnal Penyelidikan Ipera 2008*. Bintangor: Institut Perguruan Rajang.
- Sueraya Che Haron. 2010. *Understanding Arabic-Speaking Skill Learning Strategies Among Selected Malay Learners*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Tabachnick, B. G. & Fidell, L. S. (2007). *Using Multivariate Statistics* (5 th ed.). MA: Allyn & Bacon.
- Tanya Christ & Christine Wang X. (2010). Bridging the Vocabulary Gap: What the Research Tells Us about Vocabulary Instruction in Early Childhood. *Young Children*. Diakses melalui <https://www.naeyc.org/files/yc/file/201007/ChristWangOnline.pdf>
- Tu'aymah, Rusydī Muḥammad al-Sayyīd. (2000). *Ta'lim al-'Arabīyyāh Wa al-Dīn baina al-'ilm Wa al-Fan*. Dar al-Fīkr al-'Arabīy.
- Weinreich, U. 1953. *Languages in Contact*. The Hague: Mouton.
- Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Mohd Ala-Uddin Othman. (2011). Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA Techniques For Teaching Arabic Speaking Skills In National Religious Secondary Schools In Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11, 67–82.
- Zoltan Dornyei. (2007). *Research Methods in Applied Linguistics*. New York: Oxford University Press.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PENGUASAAN PELAJAR PERINGKAT ASAS DALAM MENDISKRIMINASIKAN
PASANGAN MINIMAL BUNYI HURUF ARAB

NAMA PELAJAR : NAZRATUL AINI BINTI RAMLI

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]